

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
TOKYO  
PERASMIAN KOMPLEKS KEDIAMAN KEDUTAAN BESAR MALAYSIA  
24 DISEMBER 1992**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia; Yang Berbahagia Datuk Ahmad Kamil dan Datin Lena; Yang Berbahagia Datuk H.M. Khatib dan Datin Noni; Tuan-tuan dan puan-puan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Kompleks kediaman Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo pagi ini. Saya mengucapkan terima kasih kerana dijemput merasmikan kompleks ini di samping berpeluang beramah mesra dengan penghuni-penghuninya.

2. Kita juga bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana kita bernasib baik mempunyai suatu Kompleks Kediaman yang baru dan indah, lengkap dengan segala kemudahan untuk penghuni- penghuninya. Saya berharap dengan adanya Kompleks Kediaman serba indah dan lengkap ini, saudara-saudari akan merasa lebih selesa dan tenang dan dengan itu dapat berkhidmat dengan lebih baik lagi.

3. Saya merasa bangga melihat penglibatan semua anggota keluarga, iaitu ibu bapa serta anak-anak di dalam menjayakan majlis ini. Saya berharap semangat kerjasama dan kekeluargaan yang baik ini menjadi amalan yang berterusan di kalangan saudara-saudari.

4. Dalam konteks perkhidmatan di luar negeri, peranan isteri-isteri melalui aktiviti-aktiviti PERWAKILAN adalah sama pentingnya dengan tugas suami. Kejayaan suami di dalam kerjanya adalah juga hasil sokongan positif dari isteri. Dengan adanya bilik pejabat PERWAKILAN di kompleks ini, saya yakin ianya dapat membantu melicinkan lagi perjalanan aktiviti-aktiviti dan pengurusan PERWAKILAN Tokyo.

5. Peranan mendidik anak-anak adalah tanggungjawab bersama ibu bapa. Anak-anak memerlukan didikan dan bimbingan di mana jua mereka berada. Dalam hal ini, inisiatif pihak Kedutaan menganjurkan kelas bimbingan Bahasa Malaysia, agama, Bahasa Inggeris dan Sivik untuk kanak-kanak dikompleks ini amatlah baik. Saya berharap aktiviti-aktiviti ini dapat ditingkatkan demi kebaikan masa depan anak-anak kita.

6. Para Perwakilan juga haruslah menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat. Memahami dan menghormati budaya serta adat resam penduduk tempatan serta menjalin hubungan yang baik dengan mereka adalah penting.

7. Akhir kata, saya harap saudara-saudari dan juga anak-anak yang ditempatkan dalam Kompleks Kediaman baru ini akan bersyukur dan menjaga kediaman masing-masing dengan baik supaya usaha Kerajaan tidak sia-sia sahaja dan juga supaya saudara-saudari boleh tinggal di sini dengan gembira dan bahagia.

8. Dengan harapan ini dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya rasmikan pembukaan Kompleks Kediaman Kedutaan Besar Malaysia, Tokyo.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.